

Jawab semua soalan

1. Mengapa Kesultanan Melayu Melaka memperkenalkan aspek berikut?

Lambang kebesaran

- A. Menghalang kemasukan budaya asing
- B. Merupakan identiti sesebuah kerajaan
- C. Menyebarluaskan kebudayaan Melayu di Alam Melayu
- D. Memastikan keamanan negara terjamin

2. Rajah berikut merupakan fasal yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka.

Jenayah
Ekonomi
kekeluargaan
X

Apakah X?

- A. Percukaian
 - B. Perkahwinan
 - C. Peranan sultan dan pembesar
 - D. Peranan nakhoda
3. Nasionalisme di Burma (Myanmar) bermula apabila golongan Thakin menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906.
Apakah matlamat penubuhan persatuan tersebut?
- A. Mengkalkan tradisi Buddha
 - B. Melancarkan revolusi
 - C. Memperjuangkan kemerdekaan
 - D. Membela nasib golongan pelajar
4. Senarai berikut merupakan hasil penulisan kreatif Pak Sako atau Ishak Haji Muhammad.

Anak Mat Lela Gila

Putera Gunung Tahan

Bagaimanakah Pak Sako memberikan kesedaran nasionalisme kepada penduduk di Tanah Melayu?

- I Menyindir penjajah
 - II Memperjuangkan Pendidikan orang Melayu
 - III Mengadakan ceramah umum
 - IV Mengingatkan kepentingan kebebasan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

5. Kedatangan Jepun ke negara kita pada tahun 1941 disebabkan oleh beberapa faktor.
Apakah faktor tersebut?
 - A. Ingin membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British
 - B. Mengukuhkan dasar buka pintu Jepun
 - C. Persaingan kuasa imperialism barat
 - D. Memenuhi keperluan Perindustrian
6. Operasi Semut merupakan Gerakan Anti-Jepun yang berlaku di Sarawak yang merupakan sebahagian daripada kempen tentera Bersekutu menentang Jepun. Apakah strategi yang dijalankan dalam Operasi Semut ini?
 - I Melakukan pemberontakan bersenjata
 - II Melakukan sabotaj
 - III Melancarkan perang gerila
 - IV Mengumpulkan risikan
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
7. Apakah akhbar Melayu yang terlibat dengan penentangan terhadap Malayan union?
 - A. Utusan negara
 - B. Berita harian
 - C. Majlis
 - D. Akhbar Cina
8. Rosli Dhoby telah ditangkap kerana membunuh Sir Duncan Stewart, Gabenor British Sarawak yang kedua.
Apakah kesan pembunuhan tersebut?
 - A. Penindasan terhadap Gerakan anti penyerahan Sarawak
 - B. Pemberontakan secara besar-besaran berlaku
 - C. Penduduk menyokong penyerahan Sarawak
 - D. Sarawak mencapai kemerdekaan

9. Gambar berikut menunjukkan peristiwa Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Januari 1948.



Pernyataan manakah yang betul berkenaan cadangan Raja-raja Melayu bagi menyelesaikan penubuhan Malayan Union?

- A. Hasil ekonom diberikan secara adil
 - B. Jawatan Gabenor British dipulihkan
 - C. Persekutuan bertaraf naungan
 - D. Pilihan raya diadakan empat tahun sekali
10. Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union?
- I Rakyat boleh memilih penganti raja
 - II Tanah Melayu menjadi hak mutlak orang Melayu
 - III Kedaulatan Raja-raja Melayu dikekalkan
 - IV Hak keistimewaan orang Melayu dipelihara
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
11. Bagaimanakah pengaruh komunis dapat diserap sehingga penduduk Tanah Melayu terpengaruh dengan ideologi komunis?
- A. Melalui kesatuan sekerja
 - B. Menggunakan propaganda
 - C. Penglibatan tokoh komunis Indonesia
 - D. Penubuhan Parti Komunis Malaya di bandar-bandar utama
12. Mengapa rancangan penempatan semula Kampung Baru merenggangkan hubungan antara kaum?
- A. Ramai orang cina menyertai komunis
 - B. Kampung Baru dikuasai oleh komunis
 - C. Orang melayu tidak dibenarkan tinggal di Kampung Baru
 - D. Kampung baru didominasi oleh kaum cina

13. Apakah kepentingan pelaksanaan Sistem Ahli di negara kita?
- Menyediakan asas ke arah berkerajaan sendiri
 - Melaksanakan pentadbiran bercorak demokrasi
 - Melahirkan semangat berdaya saing
 - Mengekalkan sistem pentadbiran British
14. Maklumat berikut berkaitan dengan langkah memperkasa sistem Pendidikan di Tanah Melayu.

Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama

- Maklumat diatas merujuk kepada
- Laporan Barnes
 - Ordinan Pelajaran 1952
 - Laporan Fenn-Wuu
 - Laporan Woodhead
15. Perikatan UMNO – MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri yang dipertandingkan dalam pilihan raya peringkat negeri.
Apakah faktor kemenangan Pakatan tersebut?
- Calon parti lawan menarik diri
 - Kempen pilihan raya yang berkesan
 - Kerjasama antara kaum
 - Campur tangan pegawai British
16. Siapakah yang mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955?
- Gabenor British
 - Ketua Menteri
 - Perdana Menteri
 - Yang di-Pertuan Agong
17. Rundingan kemerdekaan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan di London telah membincangkan beberapa isu.
Apakah isu yang dibincangkan dalam rundingan tersebut?
- Kerakyatan jus soli
 - Mewujudkan pakatan murni
 - Keselamatan negara
 - Hubungan British dan Tanah Melayu
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

18. Sebagai rakyat Malaysia, apakah iktibar yang boleh diambil daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- A. Jujur dan amanah dalam perbuatan
- B. Menjaga kepentingan kaum masing-masing
- C. Bersikap tidak mudah berputus asa
- D. Muafakat dan bertolak ansur

19. Berikut merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menjayakan sambutan kemerdekaan negara.

Jawatankuasa Fizikal
X

Apakah X?

- A. Jawatankuasa Perayaan
- B. Jawatankuasa Kemerdekaan
- C. Jawatankuasa Sambutan
- D. Jawatankuasa Pelancaran

20. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kerajaan pada hari ini dapat menjalankan pentadbiran negara dengan baik?

- A. Pembahagian kuasa
- B. Memilih pemimpin yang berwibawa
- C. Mengamalkan hubungan diplomatik dengan negara luar
- D. Bersikap adil dan saksama

21. Berikut merupakan sistem pentadbiran yang diamalkan di negara kita.

Demokrasi Berparlimen

Mengapa sistem tersebut penting terhadap kedaulatan negara?

- A. Undang-undang negara digubal oleh Perdana Menteri
- B. Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara
- C. Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
- D. Yang di-Pertuan Agong memiliki kuasa mutlak dalam hal ehwal pentadbiran negara

22. Penyataan berikut berkaitan dengan konsep patriotism.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara • Sanggup mempertahankan negara demi kemakmuran dan kestabilan negara |
|---|

Apakah peranan rakyat bagi merealisasikan semangat tersebut?

- A. Menggubal undang-undang
- B. Mengukuhkan pasukan keselamatan
- C. Meningkatkan imej negara
- D. Menjalin hubungan dengan pihak luar

23. Negara kita mempunyai sistem pemerintahan yang tersendiri sebelum kedatangan kuasa Barat.

Apakah bentuk pemerintahan negara kita sebelum kedatangan British?

- A. Sistem republik
- B. Pemerintahan beraja
- C. Demokrasi berparlimen
- D. Pemerintahan demokrasi

24. Pindaan perlembagaan pada 7 Ogos 1965 merupakan satu peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah negara kita.

Apakah implikasinya?

- A. Pembentukan Malaysia
- B. Penubuhan Persekutuan
- C. Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- D. Pemansuhan jawatan Yang di-Pertua Negeri

25. Antara berikut, yang manakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- A. Mengisyiharkan darurat
- B. Menentukan sempadan negeri
- C. Mengawal perbelanjaan negara
- D. Menggubal Rang Undang-Undang

26. Maklumat berikut berkaitan dengan gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran negara kita.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Raja Berpelembagaan • Demokrasi Berparlimen |
|--|

Apakah kepentingan wujudnya kedua-dua unsur tersebut dalam sistem pentadbiran negara kita?

- A. Menjamin kebebasan asasi
- B. Memudahkan pembentukan kerajaan
- C. Memastikan Kerjasama politik berterusan
- D. Mewujudkan mekanisme semak dan imbang

27. Antara berikut, perkara manakah yang terletak di bawah Senarai Bersama?

- I Biasiswa
 - II Perumahan
 - III Pertahanan
 - IV Pertanian dan perhutanan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

28. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Apakah tujuan mesyuarat tersebut diadakan?

- A. Membentuk dasar Kerajaan
- B. Menggubal undang-undang
- C. Menyelaras sistem pentadbiran
- D. Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar

29. Sebelum idea gagasan Malaysia muncul, telah ada idea lain yang ingin menggabungkan bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.
 Apakah idea tersebut?
 A. Asia Timur Raya
 B. Asia untuk Asia
 C. Melayu raya
 D. Malai Baru
30. Tarikh Pengisytiharan Malaysia ditangguhkan dari 31 Ogos 1963 kepada 16 September 1963?
 Mengapa berlaku situasi tersebut?
 A. Singapura menarik diri
 B. Kegagalan rundungan di Manila
 C. Kelewatan laporan Setiausaha PBB
 D. Indonesia melancarkan konfrontasi
31. Apakah cabaran utama yang menyebabkan kerajaan sukar memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah?
 A. Saiz negeri yang besar
 B. Jumlah penduduk yang ramai
 C. Berada diatas garisan gempa bumi
 D. Bersempadan dengan Indonesia
32. Peristiwa 13 Mei 1969 telah menyebabkan berlaku ketegangan antara kaum.
 Apakah langkah serta merta yang diambil untuk menghentikan rusuhan?
 A. Meminta bantuan negara jiran
 B. Mengisyiharkan darurat
 C. Menutup sempadan antara negeri
 D. Menyekat kemasukan pendatang asing
33. Berdasarkan Kajian Aminuddin Baki, sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan pada tahun 1965.
 Mengapa sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?
 A. Memartabatkan Bahasa kebangsaan
 B. Menempatkan murid kelainan upaya
 C. Meningkatkan tempoh pembelajaran
 D. Melahirkan tenaga kerja mahir
34. Rajah 1 menunjukkan sebuah logo sukan yang dianjurkan di Malaysia.



Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

- A. Mengeratkan perpaduan rakyat
- B. Memantapkan ekonomi negara
- C. Memajukan industri pelancongan
- D. Memupuk semangat berpasukan

35. Antara berikut, yang manakah strategi Dasar Ekonomi Baru(DEB) untuk mencapai perpaduan kaum?
- Membasmi kemiskinan
 - Membuka industri baru
 - Menawar peluang pekerjaan
 - Menyusun semula penduduk
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
36. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional berjaya memberi kesan terhadap peningkatan taraf hidup rakyat.
Apakah buktinya?
- Peningkatan pekerja asing
 - Pengukuhan sistem politik
 - Lahirnya golongan bangsawan
 - Wujudnya golongan pertengahan
37. Malaysia terpilih sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB sebanyak empat kali. Apakah peranan Majlis Keselamatan PBB?
- Menjaga keamanan antarabangsa.
 - Melindungi golongan pelarian
 - Mewujudkan hubungan antarabangsa
 - Membantu negara-negara dunia ketiga
38. Malaysia menentang Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan.
Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?
- Mengamalkan dasar komunis
 - Menyokong program senjata kimia
 - Mengamalkan diskriminasi kaum
 - Menggalakkan sekatan perdagangan
39. Bagaimanakah Malaysia menangani masalah kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 – 1998?
- Mencetak mata wang
 - Menambat kadar mata wang
 - Mendapatkan pinjaman daripada negara maju
 - Menggunakan pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
40. Malaysia telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009.
Apakah tujuan pelancaran dasar tersebut?
- Menangani masalah jerebu
 - Mengawal perubahan iklim
 - Memelihara warisan Sejarah
 - Menjamin keperluan makanan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Skema jawapan

soalan	jawapan	m/s Ting 4
1	B	7
2	C	10
3	A	29
4	B	34
5	D	68
6	D	79
7	C	102
8	A	112
9	C	132
10	D	136
11	A	147
12	D	163
13	A	179
14	B	181
15	C	197
16	B	204
17	D	216
18	D	225
19	C	237
20	A	246
21	B	8
22	C	
23	B	22
24	C	31
25	A	
26	D	56
27	A	
28	D	80
29	C	90
30	C	104
31	A	117
32	B	129
33	D	145
34	A	153
35	B	167
36	D	181
37	A	199
38	C	207
39	B	232
40	B	238

- A. 10
 B. 10
 C. 10
 D. 10